

MENJANA
MASA DEPAN
YANG LEBIH
GEMILANG

SALAM MUAFAKAT JJ JOHOR

Isi KANDUNGAN

GAMBARAN KESELURUHAN SYARIKAT	02 - 03
PERUTUSAN PENGERUSI	04 - 05
PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	06 - 07
VISI & MISI KORPORAT	07
NILAI TERAS & BUDAYA KORPORAT	08
STRUKTUR KUMPULAN KORPORAT	09
AHLI LEMBAGA PENGARAH	10 - 11
PENGURUSAN	12 - 13
MENJANA MASA DEPAN YANG LEBIH GEMILANG	14 - 15
PROJEK-PROJEK SYARIKAT MENGIKUT SEKTOR	16 - 19
SUMBANGAN KEPADA MASYARAKAT	20



Menjana Masa Depan yang Lebih Gemilang ..

“PDT akan berusaha dengan gigih untuk terus berdaya tahan dan sentiasa meningkatkan prestasi keseluruhan syarikat bagi mencapai tahap yang lebih tinggi di samping memenuhi visi Kerajaan Negeri untuk menjadi

KUASA BESAR EKONOMI

Malaysia yang seterusnya.”




Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd (PDT) telah ditubuhkan sebagai sebuah syarikat pemegangan pelaburan pada 16 Disember 1994 dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Johor.

Diberi kepercayaan oleh Kerajaan Negeri Johor sebagai penggerak dalam inisiatif dan projek pembangunan strategik, PDT telah membuat pelaburan di dalam pelbagai sektor dan industri seperti minyak dan

gas, infrastruktur air, pembangunan harta tanah, tenaga dan teknologi hijau. Ianya adalah selaras dengan visi dan misi PDT yang perlu mempelbagaikan kepentingan ekonomi jangka panjang untuk Kerajaan Negeri Johor melalui pegangan ekuiti dan bidang pelaburan yang berkepentingan.

Sejak penubuhannya, PDT telah melabur di dalam portfolio syarikat secara meluas di Johor, termasuk Ranhill Holdings Berhad, Pengerang Integrated Terminal Sdn Bhd, Desaru Development Corporation Sdn Bhd, Lido Waterfront Boulevard Sdn Bhd dan Pusat Pembangunan Usahawan Johor (EDC).





**“Dalam tempoh lima tahun,
Ekonomi Johor telah berkembang
sebanyak 5.9% secara purata,
**MELANGKAUI
EKONOMI MALAYSIA
PADA 5.6%.”****

Johor telah menjadi salah satu rantaui ekonomi yang paling pesat membangun di Malaysia terutamanya dalam merealisasi dan melaksanakan empat projek mega iaitu Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC), Kereta Api Berkelajuan Tinggi, Forest City dan trek berkembar elektrik Gemas-Johor Bahru.

Bagi mencapai wawasan Johor Berkemajuan, Kerajaan Negeri Johor, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan sektor swasta perlu berkerjasama sebagai satu pasukan dalam merapatkan jurang antara kehidupan material dan kesejahteraan sosial. Ini termasuk mewujudkan peluang pekerjaan di setiap daerah, menyediakan infrastruktur yang

canggih, menyemai semangat Bangsa Johor dalam komuniti secara menyeluruh, transformasi di Jabatan dan Agensi Kerajaan dalam pelaksanaan sistem digital dan Agenda Kepimpinan Prestasi.

Melihat keperluan untuk mengukur prestasi di dalam Kerajaan, satu sektor khusus telah ditubuhkan di bawah pengawasan PDT, dikenali sebagai Sektor Indeks Penilaian Prestasi (INPRES). INPRES ditugaskan untuk memandu ‘Pelan Suara Hati’, salah satu inisiatif negeri yang bertujuan untuk menerajui kehendak dan kepentingan rakyat, dan memantau prestasi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri.

Melalui pembangunan terkini dan peluang pelaburan yang berlaku di rantau Iskandar, Johor mempunyai daya saing untuk berjaya, seterusnya, menjana PDT ke arah pertumbuhan ekonomi masa depan yang mapan. Saya percaya dan yakin bahawa PDT akan dapat memberi sumbangan yang berkesan selaras dengan mandat Kerajaan Negeri dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat Johor, setanding dengan pencapaian dan sumbangan Khazanah Nasional untuk ekonomi negara.

**Y.A.B. Dato' Mohamed Khaled Nordin
Menteri Besar Johor**

Perutusan KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada YAB Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor selaku Penggerusi Permodalan Darul Ta'zim (PDT) yang menjana dan mengerakkan PDT memenuhi potensinya sebagai salah satu cabang pelaburan utama yang sentiasa proaktif dalam mencapai cita-cita Johor untuk menjadi sebuah negeri maju berpendapatan tinggi.

saya percaya dengan adanya strategi pelaburan yang jelas, komitmen yang tinggi dan usaha bersepdu dari pasukan pengurusan dan kakitangan akan membolehkan kami mencapai pertumbuhan yang kukuh kini dan pada masa akan datang.

'Menjana Masa Depan yang Lebih Gemilang' merupakan sesuatu yang telah saya cita-citakan untuk PDT dalam mengharungi persekitaran

ekonomi yang sentiasa berubah. Syarikat perlu mencari dana untuk mencipta modal kerja yang mencukupi bagi mencapai pertumbuhan dan kemapanan jangka panjang syarikat.

Tanpa apa-apa pelaburan, syarikat tidak dapat menjana pendapatan secara efektif. Bagi menyahut seruan YAB Menteri Besar Johor ke arah Johor Berkemajuan, PDT amat komited

dalam mempelbagaikan portfolio pelaburannya dengan lebih meluas di samping membantu Kerajaan Negeri Johor memperkasakan ekonomi.

Sepanjang tiga tahun yang lalu, PDT telah berjaya meletakkan syarikat pada keadaan yang lebih baik dengan membina satu pasukan yang padu bagi mengukuhkan portfolio pelaburan dan produktivitinya, sehingga berjaya mencapai peningkatan yang signifikan dalam keuntungan sebelum cukai sebanyak RM10.6 juta pada TK2016 (TK2014: RM0.74 juta). Ini telah


membuka jalan bagi PDT untuk memenuhi tanggungjawab sosial korporat (TSK) dengan menyediakan biasiswa kepada pelajar dari keluarga

yang tidak berkemampuan yang sedang mengikuti Ijazah Sarjana, menyediakan pembiayaan bagi pegawai kerajaan untuk menghadiri kursus-kursus profesional dan kepada guru-guru KAFA untuk menghadiri latihan perguruan bagi meningkatkan kemahiran mereka. Inisiatif lain termasuk memperkasakan Setiausaha Kerajaan Johor Diperbadankan (SSI), Pusat Pembangunan Usahawan Johor (EDC) dan anak-anak syarikat lain dengan menyediakan pembiayaan untuk operasinya.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada YAB Penggerusi dan semua ahli Lembaga Pengarah di atas segala panduan dan perkongsian dari segi kepakaran serta masa yang tidak ternilai demi mencapai visi dan misi kami. Secara keseluruhannya, saya percaya dengan adanya strategi pelaburan yang jelas, komitmen yang tinggi dan usaha bersepdu dari pasukan pengurusan dan kakitangan akan membolehkan kami mencapai pertumbuhan yang kukuh kini dan pada masa akan datang.

Lukman Abu Bakar
Ketua Pegawai Eksekutif

Visi & Misi SYARIKAT



VISI "MENJADI SEBUAH INSTRUMEN PELABURAN STRATEGIK YANG TERUNGKUL BAGI KERAJAAN NEGERI JOHOR."

MISI "MELAKSANA ASPIRASI KERAJAAN NEGERI DENGAN MEMAKSIMUMKAN PULANGAN PELABURAN DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN"


Nilai TERAS



Budaya KORPORAT

BUDAYA KORPORAT YANG MENGALAKKAN KERJASAMA BERPASUKAN DAN MEMBERI GANJARAN KEPADA PRESTASI INDIVIDU DAN PASUKAN.

Struktur Kumpulan KORPORAT



Ahli Lembaga PENGARAH



Y.A.B DATO' MOHAMED KHALED NORDIN
Menteri Besar Johor



Y. B TUAN HAJI ISMAIL MOHAMED
Pengurus Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani



Y.B DATO' HAJI AZMI ROHANI
Setiausaha Kerajaan Johor



Y.B DATO' ISHAK SAHARI
Penasihat Undang-Undang Negeri Johor



Y.B TUAN HAJI MOHD NASIR ABD SALAM
Pegawai Kewangan Negeri Johor



TUAN HAJI SALEHUDDIN HAJI HASSAN
Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan)



TUAN HAJI MOHD HALIM HASBULLAH
Pengarah Tanah & Galian Johor



ENCIK IZADEEN DAUD
Ahli Bebas

“HELLO”

PENGURUSAN



LUKMAN ABU BAKAR
Ketua Eksekutif

Tuan Haji Lukman merupakan seorang perunding yang berpengalaman dan menjadi sumber rujukan bagi Kerajaan Negeri, telah memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Awam (Kepujian) dari Polytechnic Nottingham, United Kingdom dan Sarjana Pengurusan Perniagaan (Pengurusan Strategik) dari International Business School, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Beliau mula berkhidmat sebagai Pegawai Perhubungan Awam di UTM, Skudai antara Oktober 1993 dan Jun 1995 dan seterusnya dilantik sebagai Pegawai Tadbir Negeri di Unit Perancang Ekonomi Johor (Penswastaan) setelah memperoleh 5 tahun pengalaman sebagai Penolong Setiausaha di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Pentadbiran). Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Sulit kepada Menteri Besar Johor untuk tempoh 4 tahun dari tahun 2005 hingga 2008. Kepakaran Tuan Haji Lukman dalam Pentadbiran Awam telah membantu beliau memenuhi tugas semasa berkhidmat di Pejabat Tanah Kulaijaya sebagai Pentadbir Tanah.

Sebagai Ketua Sektor Projek & Hartanah, beliau bertanggungjawab dalam melaksanakan inisiatif strategik, dan menyokong pembangunan pelan pertumbuhan jangka panjang yang bermatlamat keuntungan bagi syarikat. Pengalamannya yang luas dalam perhubungan strategik kerajaan dan pengurusan harta tanah, memainkan peranan penting dalam pertumbuhan dan pembangunan PDT. Beliau juga menampilkan bakat kepimpinan dalam menguruskan kaitangan dan sumbernya bagi menggalakkan kecekapan.

Profesionalisme, kesungguhan dan ketahnannya dalam melaksanakan tugas-tugas yang mencabar adalah prinsip yang dipegang beliau apabila dilantik semula di Unit Perancang Ekonomi Johor sebagai Timbalan Pengarah II (Makro & Penswastaan) sebelum pelantikannya sebagai Ketua Eksekutif Permodalan Darul Ta'zim pada tahun 2014.



SHAHRIZAN SAHID
Hartanah (Kumpulan)

Shahrizan memegang Ijazah Sarjana Sains dalam Pentadbiran dan Pembangunan Tanah serta Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran dan Pembangunan Tanah dengan kepujian. Beliau pertama kali dilantik sebagai Pegawai Tadbir Negeri pada tahun 2007 dan berkhidmat sebagai Penolong Pengarah (Pendaftar) di bawah Pejabat Tanah dan Galian Johor. Beliau telah berkhidmat di pelbagai jabatan negeri seperti Pejabat Tanah Tinggi Kota Tinggi dan Pejabat Menteri Besar Johor, serta di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Diperbadankan (SSI).

Sebagai Ketua Sektor Projek & Hartanah, beliau bertanggungjawab dalam melaksanakan inisiatif strategik, dan menyokong pembangunan pelan pertumbuhan jangka panjang yang bermatlamat keuntungan bagi syarikat. Pengalamannya yang luas dalam perhubungan strategik kerajaan dan pengurusan harta tanah, memainkan peranan penting dalam pertumbuhan dan pembangunan PDT. Beliau juga menampilkan bakat kepimpinan dalam menguruskan kaitangan dan sumbernya bagi menggalakkan kecekapan.

Memanfaatkan pengalamannya sebagai seorang juruaudit dan pengetahuan luas dalam pelbagai sektor termasuk pertanian, instrumen pelaburan, pengurusan harta tanah, pelancongan, utiliti (air dan kumbahan), minyak dan gas, pembuatan dan pembinaan; Dzulkifly mula bertugas di Permodalan Darul Ta'zim pada Januari 2014, di mana beliau kini mengetuai Kumpulan Korporat & Kewangan. Beliau juga mempunyai lantikan di beberapa syarikat sebagai ahli lembaga pengarah.



DZULKIFLY HASSAN
Korporat & Kewangan (Kumpulan)

Dzulkifly adalah seorang yang mengutamakan kualiti dan merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan usai menamatkan pengajiannya dalam bidang Diploma Perakaunan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM). Memperolehi pengalaman luas sebagai juruaudit di James & Co. dan Azman, Wong, Salleh & Co., beliau dilantik sebagai Eksekutif Kanan (Kumpulan) di Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad (KPMNJ) dari September 2002 hingga November 2007. Berdasarkan prestasi yang tinggi, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi (COO) di salah sebuah anak syarikatnya. Dzulkifly kemudiannya menyertai Jabatan Pembangunan Perniagaan di Ranhill Water Services Sdn Bhd bagi mendapatkan projek Air Tidak Berhasil (NRW) di Malaysia dari Disember 2007 hingga Disember 2013, yang antara lain melibatkan usahasama Kerajaan Negeri Johor dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri dalam pembangunan Minyak dan Gas di Penggerang, Johor.

Beliau merupakan seorang aktaun secara profesion dan kini bertanggungjawab untuk menjalankan mandat dan fungsi utama INPRES sebagai rakan strategik bagi agenda kepimpinan berprestasi Kerajaan Negeri Johor. Beliau membawa pengalaman selama 10 tahun dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Sebelum ini, beliau merupakan Penolong Setiausaha Pelaburan di Kementerian Kewangan Diperbadankan dan Bahagian Penswastaan, Kementerian Kewangan.



WAN NAZRUEAN WAN MOHD NOOR
Indeks Penilaian Prestasi (INPRES)

Wan Nazrudean yang merupakan seorang graduan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), telah menyertai Permodalan Darul Ta'zim (PDT) pada April 2014 secara pinjaman di antara Kerajaan Negeri Johor dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Beliau merupakan seorang aktaun secara profesion dan kini bertanggungjawab untuk menjalankan mandat dan fungsi utama INPRES sebagai rakan strategik bagi agenda kepimpinan berprestasi Kerajaan Negeri Johor. Beliau membawa pengalaman selama 10 tahun dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Sebelum ini, beliau merupakan Penolong Setiausaha Pelaburan di Kementerian Kewangan Diperbadankan dan Bahagian Penswastaan, Kementerian Kewangan.



MOHD ANIZAM JAMIAN
Perhubungan Strategik dan Tugas-Tugas Khas

Anizam merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dari Universiti Malaya (UM) pada tahun 2006 dan Sarjana Sains (Pentadbiran & Pembangunan Tanah) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada tahun 2016. Pada tahun 2015, beliau telah mengikuti Program Pendidikan Eksekutif 'Emerging Leaders' di Harvard Kennedy School of Government, Harvard University.

Bermula tahun 2007, beliau telah dilantik sebagai Pegawai Tadbir Negeri Johor, dan dengan sinergi pengalamannya telah memegang beberapa jawatan antaranya; Penolong Pentadbir Tanah Johor Bahru, Penolong Pengarah (Pembangunan) Jabatan Agama Johor dan Pegawai Khas Undang- Undang Negeri di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Johor. Dengan kualiti kepimpinan yang dimiliki, beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Kehormat di Johor Golf & Country Club sejak 2012. Beliau kini merupakan Penolong Naib Presiden (Perhubungan Strategik dan Tugas-Tugas Khas) Permodalan Darul Ta'zim dan dalam masa yang sama menyandang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor sejak 2016.



FIRDAUS SAMAD
Undang- undang & Kesetiausahaan (Kumpulan)

Beliau berkhidmat sebagai Ketua Undang-undang & Kesetiausahaan (Kumpulan) di Permodalan Darul Ta'zim (PDT), Firdaus Samad mempunyai pengalaman luas di sektor awam, swasta dan sektor sosial (NGO) di samping memegang jawatan pengarah di beberapa syarikat sendirian berhad.

Pada 2016, beliau menamatkan Program Pendidikan Eksekutif di Harvard University, John F. Kennedy School of Government. Pada tahun 2014, Firdaus Samad dipilih sebagai Ahli Parlimen Belia Malaysia, di mana beliau mempengerusikan Jawatankuasa Sosio-Ekonomi. Beliau adalah mantan pelatih dalam kamar di Tetuan Kadir Andri & Partner di Kuala Lumpur dan didaftarkan sebagai peguambela dan peguam cara untuk Mahkamah Tinggi Malaya.



AZMAN JAAFAR
Pembangunan & Projek

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Kepujian) dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Azman mempunyai lebih 13 tahun pengalaman profesional dalam pelbagai bidang pengurusan dan bidang kejuruteraan harta tanah. Kini berkhidmat sebagai Ketua Pembangunan & Projek, tanggungjawabnya berkaitan dengan pengurusan harta tanah dan aset bagi Permodalan Darul Ta'zim dan Setiausaha Kerajaan Johor Diperbadankan (SSI). Beliau bertanggungjawab bagi meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri melalui pengoptimuman harta tanah negeri.

Berdasarkan pengalamannya dalam pengurusan harta tanah, beliau bertanggungjawab memberi penasihat dan kapakaran dalam bidang kejuruteraan, bimbingan dan bantuan teknikal kepada agensi, perunding dan kerajaan negeri. Tugas dan tanggungjawab ini dicapai melalui pengurusan, penyemakan dan penilaian kerja perunding, kontraktor dan pengendali fasiliti.

“KEKUATAN KAMI”

Menjana Masa Depan yang Lebih Gemilang
..

Projek-Projek Syarikat MENGIKUT SEKTOR

PROJEK PEMBANGUNAN HARTANAH

- Pembangunan Pusat Komersil, Kebudayaan dan Kawasan Rekreasi Serta Riadah di Jalan Abu Bakar / Jalan Skudai, Daerah Johor Bahru dengan kerjasama LIDO Waterfront Boulevard Sdn Bhd.
- Projek Pembangunan Komersil dan Kediaman di Tanah Rizab Pengangkutan Awam di Johor Jaya dan Taman Perling dengan kerjasama Handal Indah Sdn Bhd.
- Pembangunan Semula Bandaraya Johor Bahru bagi Pembangunan Integrasi dengan kerjasama City Centre Transformations Sdn Bhd.
- Projek Pembangunan Perumahan di Mukim Pulai dengan kerjasama Mutiara Rini Sdn. Bhd.
- Projek Pembangunan Bercampur di Kulai dengan kerjasama Sime Darby Properties Berhad.

PROJEK BERKAITAN AIR

- Projek Reka dan Bina Bekalan Air Mentah Layang 2 dari Sungai Sedili ke Seluyut dan dari Seluyut ke Empangan Upper Layang dengan kerjasama Asia Baru Construction Sdn Bhd.
- Projek Reka dan Bina Agihan Air Mentah dari Sungai Lenggor ke Empangan Chongok, Mersing.
- Pemilik Aset bagi Loji Rawatan Air, Gunung Pulai dan Sungai Skudai.
- Projek Pengoperasian dan Penyelenggaraan Air Mentah bagi Membekalkan Air Mentah ke RAPID, Pengerang dengan kerjasama PDT Veolia Sdn Bhd.
- Projek Pengoperasian dan Penyelenggaraan Muka Sauk, Rumah Pam dan Jajaran Paip Air Mentah dari Sg. Johor dan Empangan Layang ke Tanjung Langsat untuk Bekalan Air Mentah kepada Bahru Stainless Sdn Bhd.





PROJEK BERKAITAN MINYAK DAN GAS

- Projek Pembangunan Terminal Laut Dalam di Tanjung Ayam, Pengerang dengan kerjasama Dialog Group Berhad.
- Menggunakan Blast Resistant Module (BRM) bagi menggantikan Reinforced Concrete Buildings (RCB) di kawasan Projek Refinery & Petroleum Integrated Development (RAPID), Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC).
- Projek Pembangunan Getah Sintetik di Pengerang, Johor dengan usahasama WRP Asia Pacific Sdn Bhd.

PROJEK BERKAITAN PELANCONGAN

- Projek Pembangunan Persisir Pantai Desaru dengan usahasama Desaru Development Corporation.

PROJEK BERKAITAN PERKHIDMATAN

- Johor Entrepreneur Development Centre (EDC) bagi Membangunkan Usahawan Kecil dan Sederhana.
- Johor Centre for Contractor Development (JCCD) bagi Membangunkan Kontraktor dan Industri Pembinaan.
- Sistem Parkir Tanpa Tunai dengan kerjasama My-Partners Sdn Bhd dan Touch N Go Sdn Bhd bagi Penswastaan Parkir Bermeter Eletronik dalam kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah.



SUMBANGAN KEPADA MASYARAKAT



PDT memberikan bantuan kewangan kepada pelajar yang sedang mengikuti program Ijazah Sarjana di institusi pengajian tinggi tempatan dan telah menghantar warga kerja Perkhidmatan Awam Johor untuk pendidikan profesional dan eksekutif di Harvard University, AS dan Asian Institute of Management, Filipina.

Selain itu, PDT dengan kerjasama Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor turut menyokong pesakit kanser yang sedang menjalani rawatan dengan memberikan Bantuan Kewangan, Peralatan Pakai Buang dan Ubat-ubatan,

serta penginapan di Kompleks Onkologi Yayasan Tunku Laksamana Johor (KOYTLJ) sepanjang tempoh rawatan bagi pesakit serta penjaga mereka yang berasal dari luar kawasan daerah Johor Bahru.

— TABUNG —
PENDIDIKAN
SARJANA
★ PERMODALAN DARUL TA'ZIM ★

ZARITH SOFIAH FOUNDATION



TUNKU LAKSAMANA JOHOR
CANCER FOUNDATION

INPRES
PERMODALAN DARUL TA'ZIM

ZARITH SOFIAH FOUNDATION



TUNKU LAKSAMANA JOHOR
CANCER FOUNDATION

ISKANDAR
MALAYSIA

DESARU COAST
MALAYSIA

THEMED ATTRACTIONS
RESORTS & HOTELS

PETRONAS

DIALOG

Vopak

PENGERRANG
INDEPENDENT PETROLEUM

VEOLIA

Ranhill

WRP

Lido
WATERFRONT BOULEVARD

PDTH

JSW

SAJ

JCCD

edc
EDUCATION
Permodalan Darul Ta'zim Entrepreneur Development Centre



Mengarang Masa Depan yang Lebih Gemilang

PERMODALAN DARUL TA'ZIM SDN BHD

Sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Johor

(327525-V)

NO. 1, ARAS 2, BANGUNAN SULTAN ISMAIL, KOTA ISKANDAR
79100 NUSAJAYA, JOHOR DARUL TA'ZIM, MALAYSIA

TEL: +607 290 9621 / 9622 | FAKS: +607 290 9623 | general@pdt.com.my